

## PM sudah diberitahu — Kurup

UM 29 JAN 2002

KOTA KINABALU 28 Jan. — Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Tan Sri Joseph Kurup berkata, beliau telah menemui Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memaklumkan mengenai keadaan parti dan keputusan menggantung keahlian timbalan presidennya, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan.

Kurup berkata, selain Perdana Menteri beliau turut memaklumkan perkara itu kepada Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat.

Perkara itu dimaklumkan pada majlis taklimat semasa menghadiri mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Kuala Lumpur, Rabu lalu untuk membincangkan penyertaan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam BN.

"Saya memberi taklimat kepada Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa saya menghadiri mesyuarat BN itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar pada kongres ke-7 PBRs di Hotel Pacific Sutera, di sini hari ini.

Ditanya mengenai tindakan Dr. Jeffrey memohon injuksi dari mahkamah untuk membatalkan penggantungannya, Kurup berkata, itu adalah hak Timbalan Presidennya itu untuk berbuat demikian.